

31h

1990 - Mahathir (Fokus Berita)

Oleh Mokhtar Hussain

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) — Usia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad genap 65 tahun esok, hanya 11 hari sebelum berakhirnya tahun 1990 — tahun gemilang bagi Malaysia.

Kalau direnung kembali peristiwa yang berlalu sepanjang tahun ini, ia boleh dikatakan semakin menyerlahkan lagi kepimpinan dan kewibawaan beliau sebagai Perdana Menteri, jawatan yang disandangnya sejak 16 Julai 1981.

Jika pada awal kepimpinannya, beliau membuktikan ketokohnya dengan memperkenalkan konsep dan idea baru seperti kad perakam waktu, peningkatan produktiviti, dasar pandang ke timur dan projek kereta nasional Proton. Naga, kini selepas hampir 10 tahun, Datuk Seri Dr Mahathir membuktikan beliau masih secergas dulu malah mampu menghadapi cabaran dan dugaan terhadap kepimpinannya.

Sebagai memulakan agenda tahun 1990, beliau melancarkan projek Tahun Melawat Malaysia (TMM) yang bertujuan memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di rantau ini, satu projek yang juga bertujuan meningkatkan sumber pendapatan negara.

Kemudian beliau menunjukkan sekali lagi ketokohnya dalam arena politik antarabangsa apabila Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Kemuncak pertama negara-negara Kumpulan 15. Tidak lama sebelum itu, pada Oktober tahun lepas, Malaysia menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komāwel. — Lagi.

♥19/12/11-46MST

Bah

1990 - Mahathir 2 Kuala Lumpur (Fokus Berita)

Sejak itu, kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir mendapat pengiktirafan dunia dan beliau disegani serta dihormati sebagai seorang pemimpin dunia ketiga yang unggul. Di Caracas, Venezuela, beliau diberi gelaran sebagai +Wira Dunia Ketiga+.

Tetapi kejayaan paling manis bagi beliau bagi tahun ini pastinya ialah kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya umum 21 Okt lepas. Kemenangan itu sungguh bermakna, khususnya bagi UMNO pimpinan beliau, kerana pada pilihan raya itulah sebenarnya dapat menentukan sejauh manakah kekuatan UMNO selepas parti itu mengalami peristiwa +hitam+ pada tahun 1987 apabila mahkamah memutuskan UMNO sebagai pertubuhan tidak sah.

Presiden UMNO itu bagaikan tidak mengenal letih. Belum pun setahun selepas menjalani pembedahan pintasan jantung yang berjaya di Hospital Besar Kuala Lumpur, beliau tidak henti-hentinya menjelajah ke segenap pelusuk negara untuk menerangkan kepada rakyat secara langsung, tentang dasar kerajaan di samping menangkis tuduhan pembangkang.

Sebelum mengumumkan pembubaran Parlimen pada bulan September, Perdana Menteri telah melawat setiap negeri di Semenanjung sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali. Begitulah gigihnya beliau. — Lagi.

♥19/12/11-57MST

Bah

1990 - Mahathir 3 Kuala Lumpur (Fokus Berita)

Malah beliau pernah ditanya oleh wartawan mengenai kesihatannya. +Saya tidak bimbang tentang kesihatan saya kerana doktor saya sentiasa berada bersama saya,+ katanya, sambil merujuk kepada kehadiran isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada setiap lawatannya itu.

Pilihan raya umum yang lepas juga dianggap paling sengit sejak 1969 kerana ia buat kali pertama melihat penggabungan parti-parti pembangkang di bawah satu barisan yang dianjurkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden Parti Semangat 46, untuk menentang Barisan Nasional (BN).

Sungguhpun demikian, Datuk Seri Dr Mahathir sedikit pun tidak kelihatan gentar. Malah beliau bertindak secara lebih +sporting+ apabila menjemput Kumpulan Pemerhati Komanwel untuk melihat perjalanan pilihan raya umum. Walaupun pada suatu ketika, tindak-tanduk kumpulan itu menimbulkan keraguan, Datuk Seri Dr Mahathir meneruskan juga rancangan untuk menjemput kumpulan itu.

Cabaran semakin hebat menjelang pilihan raya apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan bertindak +menikam belakang+ apabila beliau mengumumkan parti itu keluar daripada BN.

Pada mulanya Perdana Menteri kelihatan terkejut. Tetapi kemudian beliau terus gigih bekerja untuk memastikan kemenangan BN. -- Lagi.

♥19/12/12-51MST

CNS4556

U PB 19-12 00190 BA812

Aab

1990 - Mahathir 4 Kuala Lumpur (Fokus Berita)

Akhirnya BN berjaya mendapatkan majoriti dua pertiga dengan memenangi 127 daripada 180 kerusi Dewan Rakyat. Bagaimanapun, BN tewas di Kelantan kepada PAS dan Semangat 46 manakala PBS memerintah sebagai pembangkang di Sabah.

Semasa sibuk berkempen, tiba-tiba Malaysia dihadapkan dengan satu lagi masalah apabila beberapa orang rakyat negara ini terkandas di Kuwait dan Iraq selepas pencerobohan tentera Iraq ke atas Kuwait pada bulan Ogos.

Bagaimanapun, kerana kebijaksanaan dan ketokohan Perdana Menteri, kerajaan Iraq bersetuju membenarkan kesemua rakyat Malaysia di sana pulang ke tanah air. Mereka pulang dengan selamat dengan menaiki pesawat khas.

Hal ini adalah sesuatu yang membanggakan kerana rakyat Malaysia itu merupakan antara rakyat asing yang pertama dapat keluar dari Iraq sedangkan rakyat negara lain terpaksa berebut-rebut merentas padang pasir untuk keluar melalui sempadan Iraq/Jordan.

Kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir mengkagumkan negara-negara lain sehingga kerajaan Singapura berterima kasih kepada Malaysia kerana membantu membawa pulang beberapa rakyat republik itu. Sesudah itu, Bangladesh pula meminta bantuan Malaysia untuk membawa pulang ribuan rakyat mereka yang masih terkandas di sana. -- Lagi.

♥19/12/12-57MST

CNS4569

U GB 19-12 00196 BA813

Bah

1990 - Mahathir 5 Kuala Lumpur (Fokus Berita)

Selepas pilihan raya umum, beliau menghadapi satu lagi agenda penting bagi dirinya iaitu Perhimpunan Agung UMNO. Perhimpunan itu penting kerana ia merupakan kali pertama pemilihan diadakan sejak ia dipulihkan.

Presiden UMNO itu sedar peristiwa pahit 1987 sedikit sebanyak masih lagi menghantui parti itu. Bagi memastikan perpecahan tidak berulang, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan mereka yang bertanding jawatan Naib Presiden dan jawatan anggota Majlis Tertinggi supaya jangan mewujudkan pakatan atau mengadakan jamuan untuk tujuan melobi.

Calon-calon yang bertanding akur terhadap arahan itu dan pemilihan parti berjalan lancar dengan semangat perpaduan. Datuk Seri Dr Mahathir dan Timbalan Presiden Encik Ghafar Baba masing-masing menang tanpa bertanding.

Perhimpunan agung itu juga pada mulanya dikhuatiri boleh mewujudkan krisis antara UMNO dan Raja-Raja kerana adanya usul mengenai Raja Berperlembagaan.

Tetapi ucapan penggulungan Datuk Seri Dr Mahathir melenyapkan kemungkinan itu apabila beliau menghuraikan dengan sejelas-jelasnya tentang pengertian konsep Raja Berperlembagaan. Jadi tujuan sebenar pembentangan usul itu ialah untuk mempertahankan sistem itu dan menyanjungi raja-raja, bukan sebaliknya.

Rumusan daripada perhimpunan itu ialah UMNO kini semakin kukuh dan matang. -- Lagi.

CNS4571

U GB 19-12 00207 BA814

Bah

1990 - Mahathir 6 Kuala Lumpur (Fokus Berita)

Selepas tamatnya perhimpunan itu, ada pula yang meramalkan kononnya Datuk Seri Dr Mahathir mungkin tidak akan lama lagi memimpin negara. Ada yang berpendapat tiga pemimpin yang dipilih menjadi Naib Presiden UMNO -- Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid -- merupakan antara orang yang bakal menggantikan beliau.

Tetapi menurut Perdana Menteri, beliau akan terus memimpin selagi khidmat diperlukan dan kesihatannya mengizinkan.

Kecemerlangan Datuk Seri Dr Mahathir dalam tahun 1990 bukan setakat itu sahaja. Kerana ketegasan beliau menegakkan keadilan di peringkat antarabangsa, dua tokoh pejuang kebebasan iaitu pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat dan pemimpin kulit hitam Afrika Selatan Nelson Mandela, melawat Malaysia sebagai tanda penghormatan.

Dalam masa yang sama, ekonomi Malaysia terus kukuh sehinggakan krisis Teluk yang menggugat negara-negara maju tidak begitu memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Kecemerlangan negara pada tahun ini tidak diragui lagi adalah hasil kewibawaan Perdana Menteri, dengan dibantu oleh Timbalannya Encik Ghafar dan barisan Kabinetnya yang turut menyumbangkan ke arah kejayaan itu.

Tetapi yang tidak kurang juga pentingnya ialah keyakinan dan sokongan rakyat terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama.

♥19/12/13-15MST

CNS4579